

UUM ONLINE: Bangunan tambahan berharga RM1.4 juta diserahkan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP) Roslan Shaari kepada Pengurus Besar EDC-UUM, Suzzaini Abdullah petang, kelmarin.

Majlis penyerahan itu disaksikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Naib Canselor dalam ucapannya mengharapkan bangunan baru yang telah dibina dalam masa 12 bulan itu dapat menampung pihak hotel itu untuk merancakkan lagi perkhidmatan kepada pelanggan.

Pembinaan bangunan baru yang telah dirancang pada 2007 dan dimulakan pembinaannya pada 2008 mempunyai kemudahan bilik seminar, ruang pejabat, surau dan dewan makan.

"Saya juga yakin dalam proses permohonan kita untuk memohon sebagai zon bebas cukai pastinya kemudahan penginapan, persekitaran dan kemudahan lain seperti equin, taman rusa, go-kart, sauna dan kompleks sukan akan merancakkannya lagi," sambung beliau lagi.

Prof. Dato' Dr Mohamed Mustafa mencadangkan pihak pengurusannya mengambil langkah ke hadapan untuk menjana pendapatan dengan menawarkan pakej bagi mereka yang menginap dan menganjurkan program disitu termasuk menggunakan kemudahan go-kart, sauna, equin, golf dan lain-lain lagi.

Bagi mengintegrasikannya, beberapa cadangan sedang dirancang termasuk pembinaan kolam renang, pusat bowling dan pusat rekreasi.

Habis.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my